

## PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

Bil. (5) dlm. PTG. TR. 13/66/1 Jld. 2.

K. Terengganu: 21hb. Februari, 1982.  
Bersamaan: 27hb. R' Akhir, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

### ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 5/1982.

#### Pengalihan Bahan Batuan Menurut Seksyen 70 Kanun Tanah Negara.

Arahan ini adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk menarik perhatian Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri berhubung dengan surat Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 1/1978 dan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu Bil. 4/1978.

2. Adalah didapati sehingga ini, kenderaan-kenderaan yang bukan kepunyaan Kerajaan telah digunakan untuk mengalih atau memindahkan bahan-bahan batuan tanpa kebenaran. Disamping itu terdapat juga permit pengecualian telah dikeluarkan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu untuk mengalih bahan-bahan batuan dengan menggunakan lori-lori yang bukan kepunyaan Perbadanan sendiri. Perkara ini adalah bertentangan dengan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 4/1978.

3. Oleh yang demikian mulai daripada tarikh Arahan ini dikeluarkan, semua Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki supaya tidak lagi mengeluarkan permit pengecualian kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu atau mana-mana Syarikat anaknya atau mana-mana Badan Berkanun Negeri.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

( DATO' LELA JASA )  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

s.k.  
Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
**TERENGGANU.**

Semua Ketua Jabatan Negeri, Terengganu.  
Semua Badan-Badan Berkanun Negeri, Terengganu.

Fail PTG. TR. 13/328 Jld. 2.